

KEMUKJIZATAN HURUF-HURUF MUQATTA'AH DALAM RASM UTHMANI

1048

MUHAMMAD IZZAT NGAH
SHAHARUDDIN PANGILUN
MOHD MAHFUZ JAAFAR

Pensyarah Jabatan Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat,
Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS.

ABSTRAK

Mushaf al-Quran adalah mukjizat agung nabi Muhammad S.A.W., ia dapat dilihat, dibaca, dihafaz, ditadabbur dan diamalkan dalam kehidupan kita. Kemukjizatan al-ahruf al-muqatta'ah di awa-awal suruh menjadi perbincangan dalam kalangan ulama tentang makna dan maksud yang sebenar. Dalam kertas ini pengkaji membuat pengamatan ke atas karya-karya para ulama' untuk melihat sejauh manakah kemukjizatan al-ahruf al-muqatta'ah dalam al-Quran Rasm Uthmani. Seterusnya dalam artikal ini pengkaji akan mendedahkan perbincangan di kalangan ulama' terhadap perbincangan dan kupasan serta pandangan mereka berdasarkan metode analisis dokumen terhadap sumber-sumber perpustakaan. Dapatan kajian ini, penulis mendapati ketiadaan nas qati'e daripada al-Quran mahu pun al-Hadith Nabi Muhammad S.A.W. sebenarnya telah mengundang pelbagai pandangan ulama'. Penulis menyarankan sebagai titik-tolak dalam penyelesaian persoalan ini supaya tidak berlarutan bahawa kita perlu kembali kepada metode asal penurunan al-Quran itu sendiri. Di mana kemukjizatan ini tidak boleh dipertikaikan berpandukan dalil-dalil dan hujah yang dikemukakan.

Kata kunci: Mukjizat, al-Ahruf al-Muqatta'ah, Surah, Al-Quran, Rasm Uthmani.

1.0 PENDAHULUAN

Al-Quran adalah mukjizat agung Nabi Muhammad S.A.W. yang diwariskan untuk umat manusia sejagat. Ia dapat dibaca, ditadabbur, dihafaz dan dihayati dalam kehidupan manusia sehingga sekarang. Kemukjizatan al-Quran dapat dilihat juga dalam pelbagai sudut, sama ada daripada susunan gaya bahasanya atau perkara-perkara *ghaibiyat* yang disampaikan atau kisah-kisah umat terdahulu yang dirakamnya sebagai *'iktibar* atau isi kandungannya meliputi keperluan kehidupan manusia untuk di dunia dan akhirat.

Salah satu bentuk mu'jizat al-Qur'an dari segi bahasa yang sampai sekarang kurang dibincangkan ialah mengenai *al-ahruf al-Muqatta'ah* iaitu huruf-huruf yang terletak di permulaan surah dalam al-Qur'an. Huruf-huruf ini telah mencetuskan kepelbagaian perbezaan dikalangan para sahabat Baginda Nabi S.A.W dan ulama-ulama selepas mereka.

2.0 PENGENALAN MUKJIZAT AL-QURAN

Mukjizat atau *i'jaz* di ambil daripada perkataan *al-i'jaz* iaitu *masdar* daripada *a'jaza - yu'jizu*, yang diambil dari *fe'il 'ajuz* dan *ism fa'ilnya* adalah *mu'jiz*¹. Manakala *ism fa'ilnya* disebut *mu'jiz* (yang melemahkan). Apabila kemampuannya melemahkan pihak lain yang amat menonjol sehingga mampu menutup mulut lawannya, ia dinamakan *mukjizat* (المعجزة).

Manakala tambahan (ة) *ta' marbutah* pada akhir kalimah tersebut mengandungi makna *mubalaghah*.² Para ulama' mendefinisikan mukjizat antara lain, sebagai suatu keadaan atau peristiwa luar biasa yang terjadi melalui seorang yang mengaku nabi, sebagai bukti kenabiannya yang dibentangkan kepada mereka yang ragu-ragu atau menolak untuk melakukan atau mendatangkan perkara yang sama, namun mereka tidak mampu menerima cabaran tersebut.³

Manakala pentakrifan al-Quran pula Manna' Khalil al-Qattan (2000) menyebut bahawa al-Quran adalah kalam Allah atau Firman Allah S.W.T. yang diturunkan kepada Muhammad S.A.W., yang pembacaannya merupakan suatu ibadah.⁴ Menurut Muhammad Mahmud Abd al-'Alim pula, al-Quran ialah *kalam* Allah S.W.T. yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. melalui malaikat Jibril A.S., ditulis dalam mushaf dan disampaikan secara *mutawatir* dan membacanya merupakan 'ibadah'⁵.

Oleh itu mukjizat al-Quran merupakan sesuatu yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T. kepada para nabi Muhammad S.A.W. sebagai bukti kenabian yang tidak dapat dicabar dan ditentang oleh siapa pun dari golongan yang meragukannya dan golongan mereka yang menafikan. Al-Quran al-Karim adalah mukjizat nabi Muhammad S.A.W. yang masih kekal, merupakan cahaya rabbani dan wahyu samawi yang sampai ke dalam lubuk hati nurani rasulNya supaya dapat menerangi dan memberi rahmat seluruh alam ini⁶.

3.0 RASM UTHMANI SUATU MUKJIZAT AL-QURAN?

Proses penyalinan semula pada peringkat awal, telah dilakukan oleh Zaid bin Thabit dengan dibantu oleh beberapa orang sahabat Nabi S.A.W. atas permintaan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq R.A. Dalam keadaan ini, Abu Bakar al-Siddiq R.A. telah menasihati supaya tidak menerima suatu ayat al-Quran kecuali memenuhi dua syarat iaitu harus sesuai dengan hafalan para sahabat lain dan tulisan tersebut benar-benar ditulis atas perintah dan di hadapan Nabi S.A.W.. Sebagai membuktikan syarat kedua, diperlukan dua orang saksi. Sejarah mencatat bahawa Zaid bin Thabit R.A. menghadapi masalah dalam menyempurnakan tugas tersebut. Di mana beliau tidak mendapati para sahabat R.A. yang telah menghafal ayat "Laqad ja'akum Rasul min anfusikum 'aziz 'alayh ma 'anittun harish 'alaykum bi almu'minina Ra'uf al-

¹Muhammad Idris Abd Rauf al-Marbawi, *Qamus Idris Marbawi*, jilid 2, cet. 5, (Kaherah, Mesir: Dar al-Fikr. 1354H), m.s. 6.

²M. Qurish Shihab, *Mukjizat Al-Qur'an*, (Bandung: Mizan, 1998), m.s. 23.

³H. M. Qurish Shihab, *Mukjizat Al-Qur'an*, (Bandung: Mizan, 1998), m.s. 23

⁴Manna' Khalil al-Qattan. *Studi Ilmu-Ilmu Qur'an*. Terj. Drs. Mudzakir AS. Cet. Kelima. (Jakarta: Litera AntaraNusa dan Pustaka Islamiyah. 2000). Hlm. 19.

⁵Muhammad Mahmud Abd al-'Alim, *Ahkam al-Tajwed wa Fadhail al-Quran*. Cet 9, (Kaherah: Syarikah al-Syamarli, t.t.) m.s. 209

⁶Muhammad Mahmud Abd al-'Alim, *Ahkam al-Tajwed wa Fadhail al-Quran*, m.s. 181

*rahim*⁷ dan ditulis di hadapan Nabi S.A.W.. Namun pada akhirnya ayat tersebut ditemui pada seorang sahabat yang bernama Abi Khuzaimah Al-Anshari.

Demikianlah, dapat kita lihat begitu waspadanya Zaid bin Thabit dalam menggabungkan antara hafalan para sahabat dan naskah yang ditulis di hadapan Nabi S.A.W., dalam memelihara keaslian mushaf al-Quran. Oleh itu dapat dibuktikan dari tata kerja dan data-data sejarah bahawa al-Quran yang kita baca sekarang ini adalah asli dan tidak berbeza sedikit pun dengan apa yang diterima dan dibaca oleh Rasulullah S.A.W. lima belas abad yang lalu.⁸ Sesungguhnya kalimah-kalimah al-Quran adalah kalam Allah S.W.T. dan bukan kalam kebiasaan manusia. Di mana ia didatangkan dalam bentuk penulisan dan rasmnya iaitu bilangan dan jenis hurufnya adalah merupakan mukjizat. Sama ada bilangan hurufnya kurang atau bertambah, hurufnya disebut (diucap) atau tidak, dan kalimah tersebut berubah bentuk atau tidak, semua itu menunjukkan maknanya yang sebenar dari Allah S.W.T..⁹

Ulama' telah mengkaji secara teliti dan mereka merumuskan bahawa terdapat enam usul dalam *mushaf Rasm Uthmani* iaitu *al-Hazf, al-Ziadah, al-Badl, al-Fasl wa al-Wasl, al-Hamz* dan *Ma Fihi Qiratan Kutiba 'Ala Ihdahuma*¹⁰. Di mana asas kajian kemukjizatan ini dibuat terhadap *Mushaf Rasm Uthmani al-Madinah al-Munawwarah* mengikut metode *Rasm Uthmani*. Ini dapat dilihat dalam penulisan huruf-huruf hijaiyyah yang terdapat pada pembukaan surah-surah al-Al-Quran yang tidak diucap mengikut tulisan biasa, memadai dengan bentuk ucapan yang difahami seperti الم — المر — ن. Terdapat pula huruf-huruf hijaiyyah yang ditulis secara berasingan seperti حم — عسق dalam surah al-Syura, ayat 1 dan 2 tetapi tidak pula pada المص dalam surah al-A'raf dan كهيعص dalam surah Maryam.¹¹

4.0 AL-AHRUF AL-MUQATTA'AH

Ulama berbeza pendapat dalam menjelaskan maksud *al-ahruf al-muqatta'ah*. Sebahagian mereka berpendapat bahawa ianya adalah sebahagian daripada dari pembuka-pembuka surah-surah al-Quran sekali gus berfungsi sebagai nama dari surah-surah yang diawalinya. Golongan pertama berpendapat berdasarkan hadis Rasulullah S.W.A. yang menyebutkan: Ya Siin adalah inti dari al-Qur'an, atau berdasarkan hadis yang lain: Barang siapa yang membaca Ha Mim Sajdah, maka ia akan terpelihara sampai masuknya waktu subuh.¹²

Golongan kedua berpendapat bahwa *al-ahruf al-muqatta'ah* adalah huruf-huruf Hijaiyah yang diletakan pada awal sebuah surah sebagai pembukanya dengan tujuan untuk memberikan pemahaman kepada orang-orang yang membaca al-Qur'an bahawa apa yang

⁷ Surah al-Taubah (9): 128.

⁸ M. Quraish Shihab, *Membumikan al-Quran Fungsi dan Peran Wahyu dalam Kehidupan Masyarakat*. Cetakan 13 (Bandung: Penerbit Mizan, 1996M/1417), m.s. 9

⁹ Muhammad Syamlul, *I'jaz Rasm al-Quran wa I'jaz al-Tilawah*, cet 2, (Kaherah: Dar al-Salam.2007M/1428M), m.s. 55 & 56.

¹⁰ Ahmad bin Muhammad al-Banna, *Ittihaf Fadala' al-Basyar*, tahqiq. Dr. Sya'ban Muhammad Ismail, juz. 1, cet. 1, (Kaherah: Makabah Kulliyah al-Azhar. 1987M/1407H), m.s. 83.

¹¹ Muhammad Syamlul, *I'jaz Rasm al-Quran wa I'jaz al-Tilawah*, m.s.193.

¹² Zarqani, Manahil... hlm. 165

akan mereka baca itu adalah kalam Allah S.W.T. yang terdiri dari himpunan huruf-huruf Hijaiyah. Huruf-huruf yang mereka kenal selama ini, dan mereka tidak akan mampu untuk menentangnya dan mendatangkan karya-karya seumpama al-Qur'an. Golongan ketiga berpendapat bahawa ia adalah huruf yang diletakkan sebagai tanda berakhirnya sebuah surah yang lain dan dimulainya sebuah surah yang baru yang datang berikutnya.

Golongan keempat berpendapat bahawa *al-ahruf al-muqatta'ah* adalah bukti dan keterangan yang nyata akan kenabian nabi Muhammad dari sisi bahawa ia mengucapkan beberapa huruf Hijaiyah, padahal beliau adalah orang yang ummi, iaitu orang yang tidak boleh membaca, menulis dan tidak pernah belajar sebelumnya. Oleh yang demikian tidak ada ruang bagi seorang yang berpredikat ummi untuk memahami huruf tersebut dan mengungkapkannya dalam bentuk tulisan yang dapat dibaca. Oleh itu kemampuan Nabi Muhammad S.A.W. menunjukkan bukti bahawa al-Qur'an bukanlah hasil karya Nabi Muhammad S.A.W., tetapi adalah kalam Allah S.W.T. yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui.¹³

Berdasarkan beberapa pendapat di atas, bahwa *al-ahruf al-muqatta'ah* adalah huruf-huruf Hijaiyah yang telah dikenali oleh manusia sebelumnya yang berada di awal beberapa surah, berfungsi sebagai pembuka surah dan merupakan salah satu wujud cabaran Allah S.W.T. kepada manusia yang meragukan al-Qur'an, dan bukti kenabian Muhammad S.A.W.. Sebanyak 114 surah dalam al-Qur'an, terdapat 29 surah yang dimulakan dengan *al-ahruf al-muqatta'ah*. Surah-surah yang memiliki pembuka dengan *al-ahruf al-muqatta'ah* adalah sebagai berikut:¹⁴

No	Nama Surah	Pembuka		No	Nama Surah	Pembuka
1.	Al-Baqarah	الم		16.	Al-Rum	الم
2.	Ali-Imran	الم		17.	Luqman	الم
3.	Al-A'raf	المص		18.	Al-Sajadah	الم
4.	Hud	الر		19.	Ya siin	يس
5.	Yunus	الر		20.	Shad	ص
6.	Yusuf	الر		21.	Al-Mu'min	حم
7.	Al-Ra'du	المر		22.	Fusshilat	حم
8.	Ibrahim	الر		23.	Al-Dukhan	حم
9.	Al-Hijr	الر		24.	Al-Syuraa	حم عسق
10.	Maryam	كهيعص		25.	Al-Zukhruf	حم
11.	Taha	طه		26.	Al-Jathiyah	حم
12.	Al-Syu'ara	طسم		27.	Al-Ahqaf	حم
13.	Al-Naml	طس		28.	Qaf	ق

¹³ Ibid.

¹⁴ Nawawi Ali, Pedoman Membaca al-Qur'an, (Jakarta: Mutiara Sumber Daya, 1996), hlm. 100.

14.	Al-Qasas	طسم		29.	Al-Qalam.	ن
15.	Al-Ankabut	الم				

Menurut Zarqani, keberadaan *al-ahruf al-muqatta'ah* merupakan mu'jizat tersendiri bagi al-Qur'an bila diteliti dari sudut jumlah huruf dalam bahasa Arab. *Al-ahruf al-muqatta'ah* terdiri daripada satu perdua huruf hijaiyah apabila diperhalusi kedudukan huruf tersebut, akan didapati bukti seperti berikut:

1. Dalam bahasa Arab terdapat 10 huruf yang memiliki sifat *hams*, iaitu satu sifat apabila diucap huruf tersebut nafas masih berlalu, ini disebabkan lemahnya penekanan pada makhraj atau tempat keluarnya huruf. Huruf *hams* tersebut adalah: ¹⁵ ف, ح, ث, ه, ش. Sedangkan huruf dari *al-ahruf al-muqatta'ah* yang termasuk dalam huruf yang memiliki sifat *hams* berjumlah 5 buah huruf atau satu perdua daripada huruf *hams*. Huruf tersebut adalah: ح, ه, ص, س, ك.
2. Dalam bahasa Arab terdapat huruf yang memiliki sifat *jahr*, iaitu sifat yang terdapat pada beberapa huruf, di mana tertahannya nafas ketika huruf diucapkan. Huruf *jahr*, bila tidak termasuk huruf alif, berjumlah 18 huruf. Maka bahagian dari *al-ahruf al-muqatta'ah* yang termasuk bagian dari huruf *jahr* berjumlah 9 huruf iaitu satu perdua dari huruf *jahr*. Huruf tersebut ialah: ط, ع, ء, م, ر, ل, ن, ي, ق.
3. Dalam bahasa Arab juga terdapat huruf yang memiliki sifat *syiddah*, iaitu suatu sifat di mana suara tertahan ketika huruf diucapkan karena kuatnya melekat pada *makhraj*. Terdiri daripada 8 huruf iaitu: ء, ج, د, ق, ط, ب, ك, ت. Sedangkan *al-ahruf al-muqatta'ah* yang termasuk dalam sifat ini berjumlah empat huruf iaitu: ء, ق, ط, ك satu perdua daripada huruf-huruf *syiddah*.
4. Dalam bahasa Arab juga terdapat huruf-huruf yang memiliki sifat *rakhawah*, iaitu sifat di mana suara masih berjalan ketika huruf diucapkan karena lemahnya tekanan pada *makhraj*. Huruf yang memiliki sifat ini berjumlah 20 buah. Satu perdua daripada huruf tersebut adalah huruf yang menjadi sebahagian daripada *al-ahruf al-muqatta'ah* yang terhimpun dalam kalimat: خمس على نصره
5. Dalam bahasa Arab juga terdapat huruf yang memiliki sifat *al-Ithbaq*, iaitu sifat di mana ketika huruf diucapkan tepi lidah atau bagian tengahnya melekat kuat pada bahagian langit-langit. Huruf ini adalah huruf ظ, ط, ض, ص. Sedangkan huruf *Ithbaq* yang menjadi bagian dari huruf *al-ahruf al-muqatta'ah* adalah huruf ط, ص atau satu perdua daripada huruf *ithbaq*.

Berdasarkan kata kunci daripada “satu perdua” menurut pendapat Zarqani tersebut adalah satu kemukjizatan. Persoalannya bagaimana mungkin Nabi Muhammad S.A.W. menyusun ayat-ayat sebegitu teliti, apa lagi pembahasan mengenai sifat-sifat huruf tersebut belum dilakukan pada ketika ayat-ayat itu diturunkan. Keadaan ini tentunya membuktikan bahawa

¹⁵ *ibid*

himpunan dari ayat-ayat al-Qur'an terutama yang berkaitan dengan *al-ahruf al-muqatta'ah* bukanlah karya Nabi Muhammad S.A.W. sebagai manusia, akan tetapi merupakan kalam Allah S.W.T. yang Maha Mengatahui.

5.0 RUMUSAN

Berdasarkan perbincangan dan perbahasan di atas, membuktikan bahawa *al-ahruf al-muqatta'ah*, adalah merupakan kalimah-kalimah al-Quran daripada kalam Allah S.W.T. dan bukan ucapan manusia biasa. Di mana ia diterjemahkan dalam bentuk penulisan dan rasmnya iaitu bilangan dan jenis hurufnya adalah merupakan mukjizat. Semua itu menunjukkan maknanya yang sebenar daripada Allah S.W.T.

6.0 PENUTUP

Kesimpulannya *al-ahruf al-muqatta'ah* ini mempunyai kelainannya yang tersendiri sehinggakan ianya terlalu sukar untuk diperkatakan. Hanya mereka yang mengkaji dan memperhalusinya sahaja yang akan dapat menafsirkan keunikannya ini. Berdasarkan kepada realiti dan apa yang telah dikaji oleh para ulama', oleh itu sebahagian besar di kalangan mereka berpendapat bahawa *al-ahruf al-muqatta'ah* ini adalah suatu kaedah penulisan yang wajib dipelihara dan diamalkan. Walau pun di sana terdapat pendapat yang mengatakan bahawa kaedah penulisan *al-Quran Rasm Uthmani* ini tidak wajib diamalkan, namun pendapat tersebut ditolak oleh kebanyakan ulama' kerana ia boleh membawa kepada penambahan atau pengurangan huruf-huruf al-Quran serta mendedahkan al-Quran kepada perubahan dan penyelewengan. Ketahuilah bahawa setiap huruf al-Quran mempunyai kemukjizatan dan jaminan Allah S.W.T.. Oleh itu *al-Quran Rasm Uthmani* perlu diserlahkan sebagai suatu kaedah penulisan yang wajib dipelihara melalui media cetak dengan mencetak, menerbit, membaca dan diamalkan.

7.0 RUJUKAN

- Abd al-Fatah al-Qadi. t.t. *Tarikh al-Mushaf al-Syarif*. Kahirah: Jumhuriyyah Misyr al-'Arabiyyah al-Azhar.
- Abdul Fattah al-Sayyid Ajami al-Mirsafi. 2008. *Hidayah al-Qari Ila Tajwid Kalam al-Bari*. Cet 1. Kaherah: Dar Majd Islam.
- Abdul Karim Ibrahim 'Iwadh Saleh. 2006. *Al-Muthaf fi Rasm al-Mushaf*. Tanta Mesir: Dar al-Sahabah li al-Turath.
- Abu Muhammad al-Maliki. 2003M/1424H. *Syarh Kitab al-Taisir li al-Dani fi al-Qira'at*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ahmad bin Muhammad al-Banna. 1987M/1407H. *Ittihaf Fadala' al-Basyar*. Tahqiq. Dr. Sya'ban Muhammad Ismail. Juz. 1. Cet. 1. Kaherah: Makabah Kulliyyah al-Azhar.
- Ali Muhammad Dabba'. 1999. *Samir al-Talibin Fi Rasm wa Dabt Kitab al-Mubin*. Cet. 1. Kaherah: Maktabah al-Azhar li Turath.
- Ali, Nawawi. 1996. *Pedoman Membaca al-Qur'an*, Jakarta: Mutiara Sumber Daya.
- Jalaluddin 'Abdul Rahman al-Suyuti. 1951M /1370H. *Al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*. Cet. 3. Jilid 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- M. Quraish Shihab. 1996M/1417. **Membumikan al-Quran Fungsi dan Peran Wahyu dalam Kehidupan Masyarakat**. Cet. 13. Bandung: Penerbit Mizan.
- M. Qurish Shihab. 1998. Mukjizat Al-Quran. Bandung: Mizan.
- Manna' Khalil al-Qattan. 2000. **Studi Ilmu-Ilmu Al-Quran**. Terj. Drs. Mudzakir AS. Jakarta: Pustaka Litera Pintar Nusa.

- Muhammad ‘Abdul ‘Azim al-Zarqani. 2001M/1422H. *Manahil al-‘Irfan fi ‘Ulum al-Quran*. Tahqiq. Ahmad bin ‘Ali. Kaherah: Dar ul-Hadith.
- Muhammad al-Sadiq Qamhawi. t.t. *Al-Muqni’ Fi Rasm Masahif Al-Amsar Maa’ Kitab Al-Nuqat Taalif Al-Imam Abi Amru Uthman Bin Sa’id Al-Dani*. Kaherah: Maktabah al-Kuliyyat al-Azhariah.
- Muhammad ibn ‘Isa bin Surah bin Musa bin Dahak al-Turmidzi. 1998. *Jami’ Kabir*. No. Hadith 2676. Jilid 4. Tahqiq. Basyar ‘Iwadh Ma’ruf. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Muhammad Idris Abd Rauf al-Marbawi. 1354H. *Qamus Idris Marbawi*. Jilid 2. Cet. 5. Kaherah, Mesir: Dar al-Fikr.
- Muhammad Rajab Farjani. 1978M/1397H. *Kaifa Nata’adab ma’a al-Mushaf*. Kaherah: Dar al-I’tisham.
- Muhammad Syamlul. 2007M/1428M. *I’jaz Rasm al-Quran wa I’jaz al-Tilawah*. Cet 2. Kaherah: Dar al-Salam.
- Muhammad Mahmud Abd al-‘Alim. t.t. *Ahkam al-Tajwed wa Fadhail al-Quran*. Cet 9. Kaherah: Syarikah al-Syamarli.
- Sya’ban Muhammad Isma’il. 1997M/1417H. *Rasm al-Mushaf wa Dabtuh baina al-Tauqifi wa al-Istilahi al-Hadithah*. Makkah al-Mukarramah: Dar al-Salam.
- Ṭabari, Muhammad Ibnu Jarir. 1991. *Tarikh al-Ṭabari*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.